

BALANCE TRANSFER APRIL 2026 PROMOTION

Last updated on 1 April 2026 ([Versi Bahasa Melayu](#))

The Hong Leong Bank Berhad's (193401000023 (97141-X)) ("**HLB**") "**Balance Transfer April 2026 Promotion**" ("**Promotion**") commences on 1 April 2026 and ends on 30 April 2026, both dates inclusive ("**Promotion Period**"), unless notified otherwise. The Balance Transfer Terms and Conditions ("**BT T&Cs**") herein below are to be read together with the HLB Cardholder Agreement ("**the Agreement**").

TERMS & CONDITIONS

The following sets out the BT T&Cs:

PROMOTION ELIGIBILITY

1. The Balance Transfer ("**BT**") is open to all existing principal cardholders of HLB credit card ("**Credit Card**") whose Credit Card accounts are in good standing and/or not delinquent ("**Eligible Cardholders**").
2. The following shall NOT be eligible for BT application:
 - (a) principal Eligible Cardholders who have committed or HLB has reasonable grounds to believe the Eligible Cardholders have committed any fraudulent, unlawful or wrongful acts in relation to any of the facilities granted by HLB or Hong Leong Islamic Bank Berhad (20050109144 (686191-W)) ("**HLISB**"); or
 - (b) principal Eligible Cardholders who have been declared bankrupt (pursuant to a petition by either banks or by any third parties) or is subject to any bankruptcy proceedings at any time prior to, during or after BT application.
3. HLB reserves the right to disqualify the Eligible Cardholders from applying BT if their Credit Card accounts are blocked or in default.

PROMOTION MECHANICS

4. Eligible Cardholders who apply for the transfer of their credit card outstanding balance from other bank(s) to (i) their HLB Credit Card account; or (ii) credit of an BT Approved Amount (defined under Clause 6 below) from their HLB Credit Card account to their personal conventional or Islamic current or savings account ("**CASA/CASA-i**") maintained with HLB or with other bank(s) in Malaysia via InterBank GIRO ("**IBG**") (collectively the "**BT**") whose application has been approved by HLB ("**Entitled Cardholders**") shall be entitled to the interest ("**BT Interest Rate**") payable on the BT Approved Amount.
5. The BT is subject to the Application Channels, Minimum BT Amount and Maximum BT Amount to be applied for, the BT Tenure and payment of the Interest based on the BT Interest Rate as set out in Table 1 below.

Table 1

Application Channels	Minimum BT Amount	Maximum BT Amount	BT Tenure	BT Interest Rate
All channels	RM1,000	90% of the Eligible Cardholders' existing available credit limit, subject to HLB's approval.	12 months	5.68% p.a.
			Lifetime (No fixed repayment period)	5.99% p.a.

6. The amount approved by HLB pursuant to this BT programme shall be called **"BT Approved Amount"**.
7. If HLB approves an Eligible Cardholder's application, upon approval the BT Approved Amount shall be transferred to the Eligible Cardholder's BT account (**"BT Account"**).
8. The Eligible Cardholders shall not be entitled to any rewards points or cash rebates for the BT programme.
9. The applications for BT can be submitted via HLB Connect, HLB Branches and other channels notified otherwise. Approval status will be notified to the Eligible Cardholders via email and/or Short Message System (**"SMS"**) and/or letter, based on the correspondence/email addresses and/or contact numbers captured in HLB's system within thirty (30) days from the date of submission of the application for BT.
10. Upon approval, the corresponding amount of the Eligible Cardholders' existing available credit limit will be reduced to the extent of the BT Approved Amount. The available credit limit will be progressively restored when the Eligible Cardholders repay the BT Approved Amount according to the selected BT Tenure as set out in Table 1 above. HLB shall not be liable for any Credit Card transactions rejected by merchants due to insufficient credit limit arising therefrom.
11. The Eligible Cardholders shall pay interest on the BT Approved Amount (**"BT Interest"**) which will be billed to the Eligible Cardholders' BT Account. BT Interest is calculated on the outstanding BT Approved Amount at the BT Interest Rate of the selected BT Tenure as set out in Table 1 above, on a daily basis.
12. Upon expiry of the BT Tenure, any Outstanding Balance in the BT Account will be subject to an interest of eighteen percent (18%) p.a. calculated on a daily basis until the date of full repayment. This is not applicable to lifetime BT plan.
13. The Eligible Cardholders shall pay the Minimum Payment as stated in the Credit Card monthly statement by the payment due date. **"Minimum Payment"** is defined as:
 - (a) Five percent (5%) of the Outstanding Balance in the BT Account and the Credit Card account billed to the respective Credit Card monthly statement; or
 - (b) **Ringgit Malaysia Fifty (RM50)**, whichever is higher.

For the avoidance of doubt, “**Outstanding Balance**” means the outstanding balance due including fees, accrued interest, finance charges and other charges.

14. If the Eligible Cardholders default in paying the Minimum Payment, an additional late payment fee of one percent (1%) will be charged on the Outstanding Balance as reflected on the Credit Card account and BT Account, subject to a minimum of **Ringgit Malaysia Ten (RM10)**, or a maximum of **Ringgit Malaysia One Hundred (RM100)**, whichever is higher.
15. Upon occurrence of any of the following events:
 - (a) the Eligible Cardholders breach any of the T&Cs and/or the prevailing terms and conditions of the HLB/s Cardholder Agreement;
 - (b) the Eligible Cardholders’ Credit Card account and/or BT Account are in default for ninety (90) days and above; and/or
 - (c) the Eligible Cardholders’ Credit Card account and/or BT Account are cancelled or terminated before the expiry of the BT Tenure,

the Outstanding Balance in the BT Account shall immediately become due and payable and the Eligible Cardholders shall forthwith settle the Outstanding Balance in the BT Account. Otherwise, the approved BT Interest Rate will be retracted and an interest of eighteen percent (18%) p.a. will be charged on the Outstanding Balance in the BT Account on a daily basis until the date of full repayment.

16. Pending the approval of the BT applications, the Eligible Cardholders shall continue to be liable to make payment to their other credit card or charge card accounts with the respective issuing financial institutions and/or companies in accordance with the terms governing the same. HLB shall not be liable for interest on any overdue payment and/or any finance charges incurred as a result of the Eligible Cardholders’ and/or HLB’s failure or delay in making payment to the other credit card or charge card accounts with the respective issuing financial institutions and/or companies.
17. If the Eligible Cardholders intend to fully settle the Outstanding Balance in the BT Account prior to the expiry of the BT Tenure selected, an early settlement fees of **Ringgit Malaysia Seventy (RM70)** will be charged to the Eligible Cardholders’ BT Account. This is not applicable to lifetime BT plan.
18. Subject to the clauses above and the total prescribed credit limit of the Eligible Cardholders’ Credit Card account, the Eligible Cardholders may apply for a second BT subject to HLB’s approval, HLB’s prevailing terms and conditions and standard BT interest rates.

GENERAL

19. By participating in this Offer, the Eligible Cardholders agree:
 - (a) to have read, understood and to be bound by the T&Cs herein;
 - (b) that HLB’s decision on all matters relating to the BT shall be final, conclusive and binding on all Eligible Cardholders;
 - (c) to access HLB’s website at www.hlb.com.my (“**HLB’s Website**”) at regular intervals

- to view the T&Cs of the product and keep up-to-date on any changes or variations to the T&Cs; and
- (d) to authorise HLB to disclose their personal data i.e. correspondence/email addresses and/or contact numbers to the authorized 3rd party service provider, e.g. Compugraphic Media Sdn Bhd (200001002485 (505090-W)), Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) and/or DCATALYST Sdn Bhd (200801017996 (819292-U)) as HLB deems fit for the purpose of sending letter, email and/or SMS for the BT applications.
20. HLB reserves the right:
- (a) to reject the unqualified BT application submitted by the Eligible Cardholders accompanied with HLB's reasons for doing so;
- (b) to disqualify any Eligible Cardholders from applying for BT accompanied with HLB's reasons for doing so; and
- (c) to add, delete, suspend or vary the BT T&Cs contained herein, either wholly or in part at HLB's discretion, by way of posting on HLB's Website, or in any manner deemed suitable by HLB at any time with prior notice.
21. In addition to the terms stipulated above, the Eligible Cardholders agree that the general terms and conditions of the HLB's Cardholder Agreement shall be read together with these T&Cs as an entire agreement. In the event of any discrepancies between these T&Cs and the general terms and conditions contained in the HLB's Cardholder Agreement, the specific T&Cs herein above shall prevail to the extent of such discrepancies.
22. In the event of any discrepancies between the T&Cs herein and any advertising, publicity and other materials relating to or in connection with BT, the final T&Cs on HLB's Website shall prevail.
23. The T&Cs herein shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and the Eligible Cardholders agree to submit to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.

Member of Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("**PIDM**"). CASA/CASA-i Products are protected by PIDM up to RM250,000 for each depositor (refer to [Products Eligible for PIDM Protection](#)).

If you have any enquiries regarding these T&Cs, you may seek clarification from our staff who attended to you. Alternatively, please email us at hlonline@hlbb.hongleong.com.my.

PROMOSI APRIL 2026 PINDAHAN BAKI

Dikemas kini pada 1 April 2026 ([English Version](#))

"Promosi April 2026 Pindahan Baki" ("**Promosi**") Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) ("**HLB**") bermula pada 1 April 2026 dan berakhir pada 30 April 2026, kedua-dua tarikh termasuk ("**Tempoh Promosi**"), melainkan dimaklumkan sebaliknya. Terma dan Syarat Pindahan Baki (Balance Transfer) ("**T&S BT**") ini hendaklah dibaca bersama dengan Perjanjian Pemegang Kad ("**Perjanjian**") HLB.

TERMA DAN SYARAT

Berikut adalah T&S BT yang berkenaan:

KELAYAKAN PROMOSI

1. Baki Pindahan (Balance Transfer) ("**BT**") ini terbuka untuk pemegang kad utama kad kredit HLB ("**Kad Kredit**") sedia ada dengan akaun Kad Kredit yang mempunyai reputasi baik dan/atau tidak tertunggak ("**Pemegang Kad Layak**").
2. Pemegang kad berikut TIDAK layak untuk permohonan Pindahan Baki (Balance Transfer) ("**BT**"):
 - (a) Pemegang Kad utama yang telah melakukan atau HLB mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai Pemegang Kad Layak telah melakukan sebarang tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB/Hong Leong Islamic Bank Berhad (20050109144 (686191-W)) ("**HLISB**"); atau
 - (b) Pemegang Kad utama yang telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh mana-mana bank atau oleh mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada apa-apa prosiding kebangkrutan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas permohonan BT.
3. HLB berhak untuk membatalkan penyertaan Pemegang Kad Layak daripada memohon BT jika akaun Kad Kredit mereka disekat atau ingkar.

MEKANIK PROMOSI

4. Pemegang Kad Layak yang memohon untuk memindahkan baki kad kredit mereka dari bank-bank lain ke (i) akaun Kad Kredit HLB mereka; atau (ii) mengkreditkan Amaun BT Diluluskan (ditakrifkan dalam Klausa 6 di bawah) ke akaun semasa atau simpanan peribadi/akaun semasa atau simpanan peribadi-i ("**CASA/CASA-i**") mereka yang diselenggarakan dengan HLB atau dengan bank-bank lain di Malaysia melalui InterBank GIRO ("**IBG**") (secara kolektif "**BT**") yang permohonannya telah diluluskan oleh HLB ("**Pemegang Kad Layak**") berhak mendapat faedah ("**Faedah BT**") yang perlu dibayar pada Amaun BT Diluluskan.
5. BT tertakluk kepada Saluran Permohonan, Amaun Minimum BT dan Amaun Maksimum BT untuk dipohon, Tempoh BT dan pembayaran Faedah BT berdasarkan Kadar Faedah BT seperti ditakrifkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

Saluran Permohonan	Amaun Minimum BT	Amaun Maksimum BT	Tempoh BT	Kadar Faedah BT
Semua saluran	RM1,000	90% daripada had kredit sedia ada pada Pemegang Kad Layak, tertakluk kepada kelulusan HLB	12 bulan	5.68% setahun
			Seumur hidup (Tanpa tempoh pembayaran yang tetap)	5.99% setahun

6. Amaun yang diluluskan dalam program BT adalah dirujuk sebagai "**Amaun BT Diluluskan**".
7. Sekiranya HLB meluluskan permohonan Pemegang Kad Layak, Amaun BT Diluluskan akan dipindahkan ke akaun BT Pemegang Kad Layak ("**Akaun BT**").
8. Pemegang Kad Layak tidak akan diberikan mata ganjaran atau rebat tunai untuk program BT.
9. Permohonan BT boleh dibuat secara atas talian melalui HLB Connect, Cawangan-cawangan HLB dan saluran-saluran lain yang diberitahu sebaliknya. Status kelulusan akan dimaklumkan kepada Pemegang Kad Layak melalui e-mel dan/atau khidmat pesanan ringkas ("**SMS**") dan/atau melalui surat, berdasarkan alamat/e-mel dan/atau nombor hubungan yang didaftarkan dalam system HLB dalam tiga puluh (30) daripada tarikh penyerahan bagi permohonan BT.
10. Setelah permohonan diluluskan, had kredit sedia ada pada Pemegang Kad Layak akan dikurangkan setara dengan Amaun BT Diluluskan. Had kredit sedia ada akan dipulihkan secara progresif apabila Pemegang Kad Layak membayar balik Amaun BT Diluluskan menurut Tempoh BT yang dipilih seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di atas. HLB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang transaksi Kad Kredit yang ditolak oleh peniaga-peniaga akibat daripada had kredit yang tidak mencukupi.
11. Pemegang Kad Layak akan membayar Faedah BT atas Amaun BT Diluluskan yang dibilkan kepada Akaun BT Pemegang Kad Layak. Faedah BT dikira setiap hari berdasarkan baki Amaun BT Diluluskan pada Kadar Faedah BT dan Tempoh BT yang dipilih seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di atas.
12. Setelah tamat Tempoh BT, sebarang Baki Tertunggak dalam Akaun BT akan dikenakan faedah sebanyak lapan belas peratus (18%) setahun yang dikira atas dasar harian sehingga tarikh pembayaran penuh. Ini tidak terpakai untuk pelan BT tempoh seumur hidup.
13. Pemegang Kad Layak perlu membuat Pembayaran Minimum mengikut tarikh akhir pembayaran yang dinyatakan di dalam penyata bulanan Kad Kredit. "**Pembayaran Minimum**" ditakrifkan sebagai:
 - (a) Lima peratus (5%) daripada Baki Tertunggak di dalam Akaun BT dan akaun Kad

Kredit yang dibilkan ke dalam penyata bulanan Kad Kredit masing-masing; atau
(b) **Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50)**, yang mana lebih tinggi.

Untuk mengelakkan keraguan, "**Baki Tertunggak**" bermaksud baki yang belum dijelaskan termasuk yuran, faedah terakru, caj kewangan dan caj-caj lain.

14. Sekiranya Pemegang Kad Layak gagal membuat Pembayaran Minimum, caj pembayaran lewat sebanyak satu peratus (1%) akan dikenakan atas Baki Tertunggak seperti yang ditunjukkan dalam akaun Kad Kredit dan Akaun BT, tertakluk kepada minimum **Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10)**, atau maksimum **Ringgit Malaysia Seratus (RM100)**, yang mana lebih tinggi.
15. Apabila berlaku salah satu daripada peristiwa berikut:
 - (a) Pemegang Kad Layak melanggar mana-mana T&S serta terma dan syarat dalam Perjanjian Pemegang Kad HLB;
 - (b) akaun Kad Kredit dan/atau Akaun BT Pemegang Kad Layak ingkar selama sembilan puluh (90) hari ke atas; dan/atau
 - (c) akaun Kad Kredit dan/atau Akaun BT Pemegang Kad Layak dibatalkan atau ditamatkan sebelum tamat Tempoh BT,

Baki Tertunggak daripada Akaun BT akan serta-merta menjadi terhutang dan perlu dibayar. Pemegang Kad Layak hendaklah menyelesaikan Baki Tertunggak daripada Akaun BT tersebut dengan segera. Jika tidak, Kadar Faedah BT yang diluluskan akan ditarik balik dan faedah sebanyak lapan belas peratus (18%) setahun akan dikenakan setiap hari atas Baki Tertunggak dalam Akaun BT sehingga tarikh pembayaran penuh.

16. Sementara menunggu kelulusan permohonan BT, Pemegang Kad Layak hendaklah terus bertanggungjawab untuk membuat pembayaran kepada akaun-akaun kad kredit atau kad caj mereka yang diselenggarakan oleh institusi kewangan dan/atau syarikat masing-masing selaras dengan syarat-syarat yang tertakluk. HLB tidak akan bertanggungjawab kepada faedah atas pembayaran tertunggak dan/atau sebarang caj kewangan yang dikenakan akibat daripada kegagalan atau kelewatan Pemegang Kad Layak dan/atau HLB dalam membuat pembayaran ke akaun kad kredit atau kad caj yang diselenggarakan oleh institusi dan/atau syarikat yang masing-masing.
17. Sekiranya Pemegang Kad Layak ingin menyelesaikan sepenuhnya Baki Tunggak dalam Akaun BT sebelum tamat Tempoh BT yang dipilih, fi penyelesaian awal sebanyak **Ringgit Malaysia Tujuh Puluh (RM70)** akan dikenakan ke atas Akaun BT Pemegang Kad Layak. Ini tidak terpakai untuk pelan BT tempoh seumur hidup.
18. Tertakluk kepada klausa-klausa di atas dan jumlah had kredit yang ditetapkan pada akaun Kad Kredit Pemegang Kad Layak, Pemegang Kad Layak boleh membuat pemohonan BT yang kedua tertakluk kepada kelulusan HLB, terma dan syarat HLB serta kadar standard BT HLB.

AM

19. Dengan menyertai Tawaran ini, Pemegang Kad Layak bersetuju:

- (a) bahawa mereka telah membaca, memahami dan terikat dengan T&S di sini;
 - (b) bahawa keputusan HLB mengenai semua perkara berkaitan dengan BT adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pemegang Kad Layak;
 - (c) untuk mengakses laman web HLB di www.hlb.com.my ("**Laman Web HLB**") secara kerap untuk menyemak T&S berkenaan dengan produk dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada T&S BT; dan
 - (d) memberi kuasa kepada HLB untuk mendedahkan data peribadi iaitu alamat surat-menyurat/e-mel dan/atau nombor hubungan kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dibenarkan, contohnya Compugraphic Media Sdn Bhd (200001002485 (505090-W)), Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) dan/atau DCATALYST Sdn Bhd (200801017996 (819292-U)) sebagaimana yang dianggap sesuai oleh HLB bagi menghantar surat, e-mel dan/atau SMS untuk tujuan permohonan BT.
20. HLB berhak:
- (a) untuk menolak permohonan BT yang tidak layak yang dikemukakan oleh Pemegang Kad Layak dan memberikan sebab-sebab untuk berbuat demikian;
 - (b) untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad Layak daripada memohon BT dan memberikan sebab-sebab untuk berbuat demikian; dan
 - (c) untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini, sama ada keseluruhan atau sebahagian menurut budi bicara HLB melalui paparan di Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB pada bila-bila masa dengan memberikan notis terdahulu.
21. Selain terma-terma yang dinyatakan di atas, Pemegang Kad Layak bersetuju bahawa terma dan syarat am Perjanjian Pemegang Kad HLB hendaklah dibaca bersama dengan T&S ini sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S ini dengan terma dan syarat am yang terkandung di dalam Perjanjian Pemegang Kad HLB, T&S khusus di sini akan diguna pakai setakat perbezaan tersebut.
22. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S di sini berbanding dengan mana-mana bahan pengiklanan, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau berhubungan dengan BT, T&S di dalam Laman Web HLB adalah muktamad dan hendaklah diutamakan.
23. T&S ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("**PIDM**"). Produk-produk CASA/CASA-i dilindungi PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit (rujuk [Produk-produk Layak Mendapat Perlindungan PIDM](#)).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S ini, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kepada kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my.